

**D**ALAM satu pertemuan saya dengan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang berpejabat di Jalan Datuk Onn Kuala Lumpur didapati tidak ada apa yang luar biasa di ruang kerjanya, kecuali kesan yang sungguh kesederhanaan.

Beliau yang dikenali sebagai penulis, intelektual dan politikus, Dr. Mahathir dengan ramah sekali menerima wartawan TEMPO Zulkifly Lubis pada suatu hari di pejabatnya baru-baru ini. Di bawah ini diperturunkan beberapa temuramah dengan beliau.

#### Soalan

**Kebelakangan ini Islam songsang banyak disebut-sebut. Apa ertinya?**

"Ini ada hubungannya dengan minat orang Islam yang semakin meningkat memperdalam ajaran agama. Terutama ajaran yang benar. Tapi sebagaimana kita ketahui dalam masyarakat Islam biasa muncul ajaran yang bunyinya saja Islam. Sedang asas yang sebenarnya bukanlah Islam.

"Bahkan ada bermacam kelompok. Tarikat yang agak kami ragukan keislamannya. Ada pula kumpulan yang menggunakan firman Tuhan dan hadis hanya untuk mencari sokongan.

"Bila kita kaji, asas permulaannya saja yang Islam. Selepas itu ajarannya kalut. Umpamanya, ada kumpulan yang percaya bahawa mereka tak perlu lagi naik haji ke Mekah. Ada pula yang yakin Imam Mahdi sudah datang, suatu contoh di Batu Pahat. Ada pula kumpulan yang mengutamakan simbol Islam, tetapi bukan ajarannya. Ini terlihat pada mereka yang percaya warna hijau adalah warna Islam, dan berpakaian ala Arab bermakna Islam.

"Bahkan ada pula yang menganggap segala barang moden tidak boleh digunakan oleh orang Islam. Pesawat

televisyen dan radio mereka buang ke sungai. Dan macam-macam lagi.

"Ini sebenarnya bukan Islam. Kami menganggapnya salah atau songsang. Ajaran ini jelas sengaja dikembangkan untuk kepentingan tertentu.

**Soalan — Kepentingan siapa?**

"Mereka berhasil mengumpulkan duit ringgit (dolar Malaysia) dan hidup mewah dari hasil kepercayaan yang songsang itu. Sebahagian di antara mereka menggunakannya untuk kepentingan politik. Mereka tergolong tak bertanggungjawab, tak kluatir sedikitpun kalau kepercayaan orang lain terhadap agama Islam jadi sesat.

**Soalan — Apakah semua kumpulan ini terorganisir dan mempunyai hubungan satu sama lain? Dan berapa jumlahnya?**

"Jumlahnya memang banyak, tapi umumnya mereka tak punya hubungan satu sama lain. Di antara 39 kumpulan Islam songsang itu ada yang bernama Angkatan Sabilullah yang bergerak di Kedah.

"Kumpulan ini menggunakan kekerasan dalam kegiatannya, tidak segan-segan menekan orang kampung supaya mengikuti kehendaknya. Kegiatannya hampir sama dengan Mafia di

# Yang songsang dan yang protes

sudah menjelaskan bahawa tidak ada yang lebih berbahaya daripada tafsiran yang tidak betul.

"Umpamanya, kaum komunis sekarang mencuba mentafsirkan ajaran Islam sejalan dengan ideologi komunis. Ada pula yang mengatakan Islam suatu ideologi. Tafsiran serupa ini betul-betul berbahaya. Tentu saja punya tujuan politik.

**Soalan — Belakangan ini banyak anak-anak muda berpakaian Arab, dengan jubah dan mini telekung. Fenomena apa ini yang sebenarnya?**

"Ini fenomena protes. Pada awalnya protes merupakan suatu mode yang muncul di seluruh dunia yang mengikuti ideologi sosialisme. Di Malaysia mula-mula banyak mahasiswa mencuba menggunakan ideologi ini untuk menentang pemerintah.

"Mereka memakai alasan 'keadilan sosial'. Tapi lama kelamaan sosialisme tidak menarik lagi dan kelompok ini semakin kecil. Lalu mereka menggunakan simbol agama, menciptakan mini telekung dan jubah ala Arab. Serta memelihara kumis dan janggut.

**Soalan — Tentang anjuran agar anak perempuan tidak usah melanjutkan sekolah, apakah ini juga fenomena protes?**

"Ini sebagai lanjutan dari aksi menggunakan simbol agama. Soalnya ialah, setelah gerakan itu mendapat dokongan muncul orang-orang yang mengajarkan itu salah, ini salah.

Amerika Syarikat.

"Mereka kadang kala menekan rakyat supaya menyokong salah satu parti politik.

"Walaupun tidak bersama, beberapa kumpulan ini berpengaruh. Maka pemerintah percaya bahawa ini berbahaya buat negara, harus dihapuskan sedini mungkin.

**Soalan — Bagaimana pula kelompok yang mengasingkan diri dari alam kenyataan? Darul Arqam yang tergolong mengasingkan diri itu mendapat bantuan pemerintah Malaysia. Apa betul?**

"Darul Arqam bukanlah satu kelompok yang mengasingkan diri. Memang mereka meniru cara Arab berpakaian. Namun mereka menggunakan alat-alat moden seperti kamera dan televisyen.

**Soalan — Pemerintah Malaysia tampaknya bersikap keras menghadapi gerakan Islam songsang ini. Apakah ini semata-mata demi kebaikan Islam? Atau**

**pemerintah melihat gerakan itu sebagai lawan politik di masa akan datang?**

"Ini menyangkut agama, dan agama melibatkan kepercayaan. Kita tahu ada beberapa mazhab dalam Islam. Sebagai mazhab itu menganggap mazhab lainnya tidak begitu Islam. Umpamanya, Qadiani percaya merekalah yang benar, walaupun kumpulan yang besar tidak menganggap mereka Islam. Nah kami kluatir kalau ajaran yang salah ini diterima sebagai Islam.

Oleh kerana itu pemerintah Malaysia menganggap secara serius soal Islam songsang ini. Apa lagi Islam adalah agama rasmi negara.

**Soalan — Sejauh ini apakah ada tujuan politik di balik gerakan Islam songsang ini?**

"Saya percaya bahawa semua orang di Malaysia memahami maksud baik pemerintah. Kalau mereka mengatakan tidak faham, itu kerana ada kepentingan. Kami